

## SIARAN MEDIA

### ROADSHOW ANUGERAH ENTERPRISE 50 2022

**Kuala Lumpur, 15 Jun 2022** – Anugerah E50 yang dianjurkan oleh SME Corp. Malaysia, iaitu sebuah agensi dibawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), merupakan program anugerah tahunan yang dianjurkan dengan kerjasama Deloitte Malaysia sebagai pengajar bersama serta disokong oleh rakan strategik yang terdiri dari MIDF, RHB Bank, SME Bank, TM Unifi, RAM Ratings Services Berhad, UOB, Media Prima serta Malaysia SME.

Sejak pertama kali dianjurkan pada tahun 1997, anugerah ini telah menjadi kayu pengukur dan petanda aras kepada pencapaian kejayaan perniagaan PKS yang diiktiraf serta dinilai berdasarkan proses pemilihan yang dinilai oleh pakar dan pemain industri berkecuali.

Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia mengulas bahawa “pengajuran Anugerah Enterprise 50 pada tahun ini amat bermakna kerana ia merupakan anugerah kali ke-23 semenjak mula diperkenalkan, setelah hampir 2 tahun anugerah ini tidak dapat dianjurkan akibat pandemik yang telah melanda seluruh dunia”.

“Sehingga kini, SME Corp. Malaysia telah melahirkan seramai 725 penerima Anugerah E50 yang antara lain telah berjaya memasuki penyenaraian awam serta meluaskan pasaran di dalam dan luar negara. SME Corp. Malaysia akan terus memberikan sokongan kepada alumni E50 dan ahli E50 baru yang berpotensi”, tambah Rizal.

Penerima Anugerah E50 berpeluang untuk menyertai sesi pemandanan perniagaan anjuran SME Corp. Malaysia bagi meningkatkan akses kepada pasaran, menyertai aktiviti promosi dan publisiti serta berpeluang menjalin rangkaian bersama lebih 700 alumni E50.

Bagi mempertingkatkan penyertaan PKS di dalam Anugerah E50 pada tahun ini, beberapa program capaian akan dilaksanakan yang antaranya termasuk Program *Roadshow* di lima (5) buah negeri iaitu

- i) Terengganu (8 Jun 2022, Raia Hotel and Convention Centre, Kuala Terengganu)
- ii) Sabah (10 Jun 2022, Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu)
- iii) Johor Bahru (16 Jun 2022, Hotel DoubleTree by Hilton, Johor Bahru)
- iv) Pulau Pinang (21 Jun 2022, Shangri-La Golden Sands, Penang)
- v) Sarawak (23 Jun 2022, Hotel Pullman, Kuching)

Tempoh pencalonan E50 telah bermula sejak 1 Mac 2022 dan akan berakhir 30 Jun 2022. Para pemenang akan diumumkan pada bulan November 2022. Untuk menyertai anugerah tersebut, sesebuah syarikat perlu:

- a) Memenuhi definisi PKS dengan sekurang-kurangnya 40% ekuiti tempatan;
- b) Perlu mendapat penarafan 4 bintang ke atas dalam program SCORE;
- c) Tidak tersenarai di mana-mana papan utama;
- d) Terbuka kepada syarikat induk atau anak syarikat. Anak syarikat tidak layak sekiranya syarikat induk telah mengambil bahagian; dan
- e) Mempunyai rekod kewangan yang telah diaudit selama 3 tahun.

Untuk maklumat lanjut mengenai Program E50, sila layari [www.e50.com.my](http://www.e50.com.my) atau hubungi 1300 30 6000.

- TAMAT -

## **Tentang SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasian PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

### **PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)**

Tingkat 6, Blok B, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 1300-30-6000  
Faks : 603-2775 6001  
E-mail : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Laman web: [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

### **Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Strategik**  
**(U.P.: Pn. Raja Rozaila bt Raja Azman)**  
**Tel : 03-27756203 atau 016-3322121**  
**Email : [rozaila@smecorp.gov.my](mailto:rozaila@smecorp.gov.my)**